	<b>3.4 Elektif III</b>	Masalah Pendengaran - RM150 seorang murid setahun			
	i. Vokasional				
	ii. Pembinaan Domestik				
	iii. Seni Reka Tanda				
	iv. Katering & Penyajian				
	v. Tanaman & Makanan				
	vi. Grafik Berkomputer				
	vii. Akuakultur & Haiwan Rekreasi				
	viii. Hiasan Dalaman Asas				
	ix. Kimpalan Arka & Gas				
	x. Perkhidmatan & Penjagaan Geriatrik				
	xi. Menservis Peralatan Elektrik Domestik				
	xii. Menservis Peralatan Penyejukan & Penyaman Udara				
	xiii. Asuhan & Pendidikan Awal Kanak-Kanak				
	xiv. Penjagaan Muka & Dandanan Rambut				
	xv. Membuat Perabot				
	xvi. Rekaan & Jahitan Pakaian				
	xvii. Lanskap & Nurseri				
	xix. Pemprosesan Makanan				
	xx. Pendawaian Domestik				
	xxi. Produksi Bahan Multimedia				
	xxii. Kerja Paip & Domestik				
	xxiii. Mengetuk & Mengecat Kereta				
	xxiv. Menservis Automobil				
<b>B.</b>	<b>PCG BUKAN MATA PELAJARAN</b>				
<b>1</b>	<b>Pusat Sumber Sekolah</b>	Masalah Penglihatan - RM80 seorang murid setahun/ Masalah Pendengaran & Masalah Pembelajaran - RM60 seorang murid setahun			
<b>2</b>	<b>Bimbingan dan Kaunseling</b>	RM15.00 seorang murid setahun			

BIL.	BANTUAN PER KAPITA	100 MURID DAN KE BAWAH	101 - 500 MURID	501 - 1000 MURID	1001 MURID DAN KE ATAS
3	LPBT/LPK Sekolah	Masalah Penglihatan - RM300 seorang murid setahun/ Masalah Pendengaran & Masalah Pembelajaran - RM280 seorang murid setahun			
C.	PCG ASRAMA				
	LPBT/LPK Asrama	RM60.00 seorang murid setahun			



---

## II. YURAN KHAS SEKOLAH (YKS)

---

### 1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Mulai tahun 2008, Kerajaan telah membuat keputusan untuk memansuhkan bayaran Yuran Khas Sekolah (YKS) yang dikenakan ke atas semua murid di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan. Yuran ini dikutip bagi tujuan pelaksanaan aktiviti tertentu di sekolah.
- 1.2. Dengan pemansuhan tersebut, Kerajaan telah menyediakan peruntukan bagi membiayai pelaksanaan aktiviti terbabit di bawah YKS.

### 2. MAKSUD BELANJA

- 2.1. Perbelanjaan yang dibenarkan menggunakan peruntukan YKS adalah meliputi aktiviti:
  - a. Sukan/Permainan;
  - b. Pendidikan Jasmani;
  - c. Lukisan/Kerja tangan;
  - d. Pendidikan Seni;
  - e. Perpustakaan; dan
  - f. Pusat Sumber Sekolah.

### 3. KELAYAKAN MURID & KADAR

- 3.1. Tuntutan YKS layak dituntut bagi murid yang bersekolah di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan sahaja.
- 3.2. Kadar YKS yang layak dituntut oleh sekolah untuk murid adalah seperti berikut:

Kategori Sekolah	Kadar Seorang Murid Setahun
Rendah	RM4.50
Menengah	RM9.00

---

### **III. BANTUAN KOKURIKULUM PRASEKOLAH (BKPP)**

---

#### **1. LATAR BELAKANG**

- 1.1. Bantuan Kokurikulum Prasekolah (BKPP) telah ditangguhkan pemberiannya kepada sekolah pada tahun 2010 kerana tiada peruntukan.
- 1.2. Pada tahun 2011, pemberiannya disambung semula tetapi dengan kadar dan maksud belanja yang tetap bagi memudahkan pengurusan dan perbelanjaan oleh pihak sekolah.

#### **2. MAKSUD BELANJA**

- 2.1. Perbelanjaan yang dibenarkan menggunakan peruntukan BKPP adalah meliputi aktiviti:
  - a. Sukan/sukaneka;
  - b. Karnival Pendidikan Prasekolah;
  - c. Konvokesyen; dan
  - d. Lawatan.
- 2.2. Perbelanjaan yang dibenarkan berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti di para 2.1 adalah seperti berikut:
  - a. urusan makan minum, penginapan, sewaan dan pengangkutan murid serta guru pengiring prasekolah/pembantu pengurusan murid;
  - b. perolehan/penyediaan bahan cetak dan bahan habis guna;
  - c. pembelian dan penyelenggaraan peralatan kokurikulum dan sukan prasekolah;
  - d. pembayaran yuran pendaftaran/penyertaan murid; dan
  - e. pembelian hadiah aktiviti.

#### **3. KELAYAKAN MURID DAN KADAR**

- 3.1. Tuntutan BKPP layak dituntut bagi murid yang bersekolah di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan sahaja.
- 3.2. Kadar BKPP yang layak dituntut oleh sekolah untuk murid prasekolah adalah sebanyak RM25.00 seorang murid setahun.

---

## IV. BANTUAN KOKURIKULUM SEKOLAH (BKK)

---

### 1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Bantuan Kokurikulum Sekolah (BKK) merupakan peruntukan kewangan tahunan sekolah yang disediakan bagi menampung keperluan perbelanjaan kegiatan kokurikulum murid.
- 1.2. Sehingga tahun 2010, kadar BKK bagi sekolah rendah secara puratanya ialah RM10.00 seorang murid setahun dan bagi sekolah menengah RM12.00 seorang murid setahun.
- 1.3. Mulai tahun 2011, KPM telah melaksanakan Dasar 1 Murid 1 Sukan. Selaras dengan itu, peruntukan bagi aktiviti sukan dan permainan telah dasingkan daripada BKK dan Bantuan Sukan Sekolah (BSS) diwujudkan. Sehubungan itu, peruntukan sebanyak RM2.00 seorang murid daripada peruntukan BKK bagi aktiviti Sukan dan Permainan diambil dan dimasukkan di bawah BSS.

### 2. MAKSUD BELANJA

- 2.1. Perbelanjaan yang dibenarkan menggunakan peruntukan BKK adalah meliputi aktiviti:
  - a. Pasukan Badan Beruniform (PBB);
  - b. Kelab dan Persatuan (tidak termasuk kelab Sukan dan Permainan); dan
  - c. Aktiviti sokongan pembentukan, pemupukan dan pembangunan sahsiah murid seperti perkhemahan, seminar, kolokium dan kursus kepimpinan (tidak termasuk aktiviti bimbingan dan kaunseling serta kecemerlangan akademik).
- 2.2. Perbelanjaan yang dibenarkan berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti di para 2.1 adalah seperti berikut:
  - a. pengendalian dan pengurusan pasukan badan beruniform, kelab dan persatuan;
  - b. urusan makan minum, penginapan, sewaan dan pengangkutan murid serta guru pengiring;
  - c. perolehan/penyediaan bahan cetak dan bahan habis guna;
  - d. pembelian dan penyelenggaraan peralatan kokurikulum sekolah;
  - e. pemberian wang saku kepada murid dalam kadar yang munasabah (bagi tujuan perbelanjaan makan minum semasa perjalanan pergi dan balik ke tempat aktiviti);
  - f. pembayaran yuran pendaftaran/penyertaan; dan
  - g. pembelian hadiah aktiviti.

### 3. KELAYAKAN MURID & KADAR

- 3.1. Tuntutan BKK layak dituntut bagi murid yang bersekolah di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan sahaja.

- 
- 3.2. Kadar BKK yang layak dituntut oleh sekolah untuk tempoh satu tahun adalah seperti berikut:

<b>Kategori Sekolah</b>	<b>Kadar Setahun</b>			
Rendah	Enrolmen (murid)			
	1 – 50	51 – 100	101 – 150	151 dan ke atas
	RM400 sebuah sekolah	RM800 sebuah sekolah	RM1,200 sebuah sekolah	RM8 seorang murid
Menengah	RM10 seorang murid			
Rendah (Pendidikan Khas)	RM5,000 sebuah sekolah			
Menengah (Pendidikan Khas)	RM10,000 sebuah sekolah			

---

## V. BANTUAN KOKURIKULUM ASRAMA (BKKA)

---

### 1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Bantuan Kokurikulum Asrama (BKKA) telah ditangguhkan pemberiannya pada tahun 2010 kerana tiada peruntukan.
- 1.2. Pada tahun 2011, pemberiannya disambung semula tetapi dengan memperkenalkan kadar dan maksud belanja yang tetap bagi memudahkan pengurusan dan perbelanjaan oleh pihak sekolah.

### 2. MAKSUD BELANJA

- 2.1. Perbelanjaan yang dibenarkan menggunakan peruntukan BKKA adalah meliputi aktiviti:
  - a. Program Asrama Terbilang;
  - b. sukan dan permainan penghuni asrama; dan
  - c. aktiviti sokongan pembentukan, pemupukan dan pembangunan sahsiah murid seperti perkhemahan, seminar, kolokium dan kursus kepimpinan (tidak termasuk aktiviti bimbingan dan kaunseling serta kecemerlangan akademik).
- 2.2. Perbelanjaan yang dibenarkan berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti di para 2.1 adalah seperti berikut:
  - a. urusan makan minum, penginapan, sewaan dan pengangkutan murid serta guru pengiring;
  - b. perolehan/penyediaan bahan cetak dan bahan habis guna;
  - c. pembelian dan penyelenggaraan peralatan kokurikulum asrama;
  - d. pemberian wang saku kepada murid dalam kadar yang munasabah (bagi tujuan perbelanjaan makan minum semasa perjalanan pergi dan balik ke tempat aktiviti);
  - e. pembayaran yuran pendaftaran/penyertaan;
  - f. pembelian hadiah aktiviti; dan
  - g. bayaran kepada tenaga pengajar luar.

### 3. KELAYAKAN MURID DAN KADAR

- 3.1. Tuntutan BKKA layak dituntut bagi murid yang tinggal di asrama Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan sahaja.
- 3.2. Kadar BKKA yang layak dituntut oleh sekolah untuk murid adalah seperti berikut:

Kategori Asrama Sekolah	Kadar Seorang Murid Setahun
Rendah	RM15.00
Menengah	RM20.00

---

## VI. BANTUAN SUKAN SEKOLAH (BSS)

---

### 1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Pelaksanaan Dasar 1Murid 1Sukan diperkenalkan oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Melalui dasar ini, Bantuan Sukan Sekolah (BSS) telah diwujudkan mulai tahun 2011 bagi membiayai aktiviti sukan dan permainan murid.
- 1.2. Selaras dengan itu, peruntukan bagi aktiviti sukan dan permainan telah diasingkan daripada Bantuan Kokurikulum Sekolah (BKK) dan BSS diwujudkan. Sehubungan itu, peruntukan sebanyak RM2.00 seorang murid daripada peruntukan BKK bagi aktiviti sukan dan permainan diambil dan dimasukkan di bawah BSS.
- 1.3. Selain itu, Kerajaan turut menambah peruntukan sebanyak RM2.00 (Rendah) dan RM4.00 (Menengah) seorang murid bagi memperkukuhkan pelaksanaan Dasar 1Murid 1Sukan.

### 2. MAKSUD BELANJA

- 2.1. Perbelanjaan yang dibenarkan menggunakan peruntukan BSS adalah meliputi aktiviti:
  - a. Kejohanan sukan tahunan sekolah;
  - b. Aktiviti pra kejohanan seperti sukan tara dan merentas desa;
  - c. Karnival permainan antara rumah, kelas, tingkatan dan sebagainya; dan
  - d. Program-program sukan lain sepanjang tahun.
- 2.2. Perbelanjaan yang dibenarkan berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti di para 2.1 adalah seperti berikut:
  - a. pengendalian dan pengurusan kelab-kelab sukan dan permainan;
  - b. kursus pendedahan sukan dan permainan kepada murid;
  - c. urusan makan minum, penginapan, sewaan dan pengangkutan murid serta guru pengiring;
  - d. penyediaan bahan cetak dan bahan habis guna;
  - e. pembelian dan penyelenggaraan peralatan sukan sekolah;
  - f. pemberian wang saku kepada murid dalam kadar yang munasabah (makan minum semasa perjalanan pergi dan balik ke tempat aktiviti);
  - g. pembayaran yuran pendaftaran/penyertaan; dan
  - h. pembelian hadiah aktiviti.

### 3. KELAYAKAN MURID & KADAR

- 3.1. Tuntutan BSS layak dituntut bagi murid yang bersekolah di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan sahaja.
  - 3.2. Kadar BSS yang layak dituntut oleh sekolah untuk murid adalah seperti berikut:
-

---

<b>Kategori Sekolah</b>	<b>Kadar Setahun</b>			
Rendah	Enrolmen Murid (orang)			
	1 – 50	51 – 100	101 – 150	151 dan ke atas
	RM200 sebuah sekolah	RM400 sebuah sekolah	RM600 sebuah sekolah	RM4 seorang murid
Menengah	RM6 seorang murid setahun			
Rendah (Pendidikan Khas)	RM2,500 sebuah sekolah setahun			
Menengah (Pendidikan Khas)	RM5,000 sebuah sekolah setahun			

---

---

## VII. BANTUAN MAKANAN PRASEKOLAH (BMP)

---

### 1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Bantuan Makanan Prasekolah (BMP) merupakan peruntukan kewangan tahunan sekolah yang disediakan bagi membiayai perbelanjaan penyediaan makanan murid di kelas prasekolah KPM.
- 1.2. Sehingga bulan Julai tahun 2010, kadar BMP ialah RM1.50 sehari untuk seorang murid selama 200 hari.
- 1.3. Di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)-Pendidikan, kadar BMP bagi seorang murid prasekolah telah dinaikkan sebanyak RM0.30 (Semenanjung) dan RM0.55 (Sabah, Sarawak dan WP Labuan) berkuat kuasa mulai 1 Ogos tahun 2010.

### 2. MAKSUD BELANJA

- 2.1. Perbelanjaan yang dibenarkan menggunakan peruntukan BMP adalah bagi tujuan berikut:
  - a. Perolehan bahan mentah memasak;
  - b. Gas/bahan api memasak;
  - c. Makanan tambahan; dan
  - d. Lain-lain perkara yang melibatkan penyediaan/pemberian makanan berkhasiat kepada murid di kelas prasekolah.

### 3. KELAYAKAN MURID DAN KADAR

- 3.1. Tuntutan BMP hanya layak dituntut bagi murid prasekolah warganegara Malaysia yang bersekolah di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan sahaja.
- 3.2. Kadar BMP yang layak dituntut oleh sekolah untuk murid adalah untuk tempoh 200 hari setahun adalah seperti berikut:

Negeri	Kadar Seorang Murid Sehari
Semenanjung	RM1.80
Sabah, Sarawak dan WP Labuan	RM2.05



---

## VIII. BANTUAN MAKANAN ASRAMA (BMA)

---

### 1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Semenjak tahun 1974, Kerajaan telah membantu menampung 95% kos penyediaan makanan murid di asrama dan sejumlah kecil kos ditampung oleh murid melalui kutipan Yuran Makan Asrama (YMA).
- 1.2. Pemberian Bantuan Makanan Asrama (BMA) ini hanya melibatkan semua murid warganegara Malaysia yang menghuni asrama di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan serta asrama di bawah Kerajaan Negeri.
- 1.3. Terdapat dua kaedah pembekalan makanan di asrama iaitu bekalan makanan mentah dan bekalan makanan bermasak.
- 1.4. Bagi bekalan makanan mentah, kakitangan tertentu akan dilantik untuk menguruskan masakan. Bahan mentah akan diperolehi daripada pembekal yang dipilih menerusi proses tender dan seterusnya menguruskan masakan. Bagi bekalan makanan bermasak, operator persendirian dipilih melalui proses tender untuk menyediakan makanan bermasak kepada penghuni asrama.
- 1.5. Secara amnya, semua asrama Sekolah Harian, Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Teknik/Vokasional, Sekolah Pendidikan Khas, Sekolah Seni Malaysia, Sekolah Sukan Malaysia dan Asrama 1Malaysia telah melaksanakan kaedah pembekalan makanan bermasak kecuali sebilangan asrama di Sabah dan Sarawak yang masih memerlukan pembekalan makanan mentah kerana masalah lokasi dan logistik.

### 2. MAKSUD BELANJA

- 2.1. Perbelanjaan yang dibenarkan menggunakan peruntukan BMA dan YMA adalah bagi membiayai:
  - a. Pembekalan/penyediaan makanan harian mengikut menu yang telah ditetapkan;
  - b. Pembelian peralatan dapur dan bahan bakar bagi asrama yang melaksanakan kaedah pembekalan bahan mentah;
  - c. Penyediaan makanan tambahan/jamuan khas untuk murid asrama dengan kadar tidak melebihi RM100.00 setiap murid setahun; dan
  - d. Menampung bayaran makanan semasa peperiksaan SPM, STPM & STAM selama 20 hari.

### 3. KELAYAKAN MURID DAN KADAR

- 3.1. Peruntukan BMA hanya layak dituntut bagi murid yang tinggal di asrama Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan atau asrama di bawah Kerajaan Negeri.
-

- 
- 3.2. Kadar BMA yang layak dituntut untuk murid adalah bergantung kepada kaedah pembekalan makanan, jenis asrama, lokasi dan bilangan hari seperti mana di **Jadual 7**.

#### 4. YURAN MAKANAN ASRAMA (YMA)

- 4.1. Kutipan daripada YMA hendaklah diuruskan sewajarnya kerana ia dikutip bagi menampung kos penyediaan makanan yang dibekalkan kepada murid yang tinggal di asrama pada tahun tersebut.
- 4.2. Sekiranya terdapat lebih YMA kerana murid pulang ke kampung halaman, menjalani aktiviti di luar sekolah, berpindah sekolah dan sebagainya, sekolah hendaklah memulangkan amaun yang sepatutnya diperuntukkan kepada murid berkenaan.
- 4.3. Sekiranya sukar untuk dilaksanakan, kesemua baki YMA tersebut boleh dibawa ke tahun hadapan tetapi tidak boleh dibelanjakan untuk apa-apa tujuan lain kecuali bagi menampung kekurangan BMA tahun semasa.
- 4.4. YMA yang perlu dikutip daripada setiap penghuni asrama adalah seperti berikut:

Jumlah Pendapatan Ibu Dan Bapa / Penjaga Murid Sebulan	Kadar YMA Sehari
RM5,000 dan ke atas	RM3.00
RM4,999 dan ke bawah	RM1.00

- 4.5. Sekolah hendaklah memastikan YMA dikutip daripada ibu bapa/penjaga murid asrama yang layak. Sekiranya ibu bapa/penjaga murid asrama enggan membuat bayaran, maka pihak sekolah boleh mengambil tindakan menahan keputusan peperiksaan atau menahan Sijil Berhenti Sekolah murid tersebut sehingga bayaran diselesaikan oleh ibu bapa/penjaga murid.
- 4.6. **Sebarang pengecualian bayaran YMA adalah di bawah bidang kuasa Perbendaharaan Malaysia.** Murid di bawah kategori Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), Orang Asli, Pendidikan Khas, Asrama Desa, Asrama Sekolah Model Khas di Baling, Kedah, Asrama 1Malaysia dan semua jenis sekolah berasrama di negeri Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan telah mendapat pengecualian dari membayar YMA daripada Perbendaharaan Malaysia.
- 4.7. KPM turut menyalurkan peruntukan BMA kepada murid KPM yang menghuni asrama di bawah kerajaan negeri seperti Asrama Yayasan Selangor dan Asrama Yayasan Terengganu atau lain-lain. Tuntutan hendaklah dikemukakan oleh pihak asrama melalui Jabatan Pelajaran Negeri di negeri masing-masing.

**JADUAL 7 : KADAR TUNTUTAN BANTUAN DAN BILANGAN HARI LAYAK BAGI PEMBERIAN BANTUAN MAKANAN ASRAMA**

BIL.	JENIS ASRAMA	KADAR TUNTUTAN		ASRAMA SEDIA ADA		ASRAMA BARU	
		BEKALAN MAKANAN MENTAH (RM)	BEKALAN MAKANAN BERMASAK (RM)	TARIKH ASAS TUNTUTAN	JUMLAH HARI LAYAK DITUNTUT *	TARIKH ASAS TUNTUTAN	JUMLAH HARI LAYAK DITUNTUT
1.	SEMUA JENIS ASRAMA SEKOLAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA		Berdasarkan harga kontrak makanan bermasak yang telah diluluskan setelah ditolak Yuran Makanan Asrama yang dikutip daripada setiap penghuni asrama.	1 Oktober Tahun Semasa / Berdasarkan Anggaran kemasukan murid bagi Asrama baru	250	Berdasarkan tarikh mula beroperasi: Januari - Mac April - Jun	250 181
2.	ASRAMA DESA		Berdasarkan harga kontrak makanan bermasak yang telah diluluskan	1 Oktober Tahun Semasa / Berdasarkan Anggaran kemasukan murid bagi Asrama baru	250	Julai - September Oktober - November	114 54
3.	SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS		Berdasarkan harga kontrak makanan bermasak yang telah diluluskan.	1 Oktober Tahun Semasa / Berdasarkan Anggaran kemasukan murid bagi Asrama baru	270	Januari - Mac April - Jun Julai - September Oktober - November	270 196 123 74

BIL.	JENIS ASRAMA	KADAR TUNTUTAN		ASRAMA SEDIA ADA		ASRAMA BARU	
		BEKALAN MAKANAN MENTAH (RM)	BEKALAN MAKANAN BERMASAK (RM)	TARIKH ASAS TUNTUTAN	JUMLAH HARI LAYAK DITUNTUT *	TARIKH ASAS TUNTUTAN	JUMLAH HARI LAYAK DITUNTUT
4.	SEMUA JENIS ASRAMA DI NEGERI SARAWAK, SABAH DAN WP LABUAN					Berdasarkan tarikh mula beroperasi:	
	Bandar	7.00 / hari	Berdasarkan harga kontrak makanan bermasak yang telah diluluskan	1 Oktober Tahun Semasa / Berdasarkan Anggaran kemasukan murid bagi Asrama baru	250	Januari - Mac	250
	Luar Bandar	8.00 / hari			255	April - Jun	181
	Pedalaman I	9.00 / hari			260	Julai - September	114
	Pedalaman II	10.00 / hari			260	Oktober - November	54
	Pedalaman III	11.00 / hari			260		

---

## XI. BANTUAN BAYARAN TAMBAHAN PERSEKOLAHAN (BBTP)

---

### LATAR BELAKANG

1. Mulai tahun 2012, Kerajaan telah bersetuju untuk memansuhkan Bayaran Tambahan Persekolahan yang sebelum ini dikenakan kepada setiap ibu bapa/penjaga murid dan perlu dijelaskan pada awal tahun persekolahan. Ia merangkumi perbelanjaan bagi beberapa perkara yang dianggap sebagai perkhidmatan dan kemudahan tambahan di sekolah.
2. Langkah Kerajaan tersebut adalah sebagai salah satu usaha ke arah merealisasikan hasrat menjadikan sistem pendidikan di Malaysia diberikan secara percuma. Dengan pemansuhan tersebut, Kerajaan bersedia menanggung keseluruhan kos bayaran tambahan yang terlibat untuk setiap murid prasekolah, sekolah rendah dan menengah di seluruh negara melalui pemberian Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan (BBTP).

### KATEGORI DAN MAKSUD BELANJA

3. Terdapat 6 kategori perbelanjaan yang dibenarkan di bawah BBTP iaitu Kokurikulum, Kertas Ujian Dalaman, Sukan Tahunan Sekolah, Kegiatan Pendidikan Islam/Pendidikan Moral, Yuran Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) dan Insurans Takaful.
4. Untuk setiap kategori perbelanjaan tersebut, maksud perbelanjaan dijelaskan secara terperinci dalam jadual di bawah:

**JADUAL 8 : MAKSUD BELANJA BANTUAN BAYARAN TAMBAHAN PERSEKOLAHAN**

BIL	KATEGORI BELANJA	MAKSUD BELANJA
A.	<b>Kokurikulum</b>	<p>Perbelanjaan yang meliputi aktiviti:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>a. Pasukan badan beruniform (PBB);</li><li>b. Kelab dan persatuan (tidak termasuk kelab sukan dan permainan); dan</li><li>c. Aktiviti sokongan pembentukan, pemupukan dan pembangunan sahsiah murid seperti perkhemahan, seminar, kolokium dan kursus kepimpinan (tidak termasuk aktiviti bimbingan dan kaunseling serta kecemerlangan akademik).</li></ol> <p>Perbelanjaan yang dibenarkan berkaitan pelaksanaan aktiviti di atas adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>a. urusan makan minum, penginapan, sewaan dan pengangkutan murid serta guru pengiring;</li><li>b. perolehan/penyediaan bahan cetak dan bahan habis guna;</li><li>c. pembelian dan penyelenggaraan peralatan kokurikulum sekolah;</li><li>d. pemberian wang saku kepada murid dalam kadar yang munasabah (bagi tujuan makan minum semasa perjalanan pergi</li></ol>

BIL	KATEGORI BELANJA	MAKSUD BELANJA
		<p>dan balik ke tempat aktiviti);</p> <p>e. pembayaran yuran pendaftaran/penyertaan; dan</p> <p>f. pembelian hadiah aktiviti.</p>
B.	<b>Kertas Ujian Dalaman</b>	Perolehan/penyediaan bahan cetak dan bahan habis guna untuk penyediaan kertas ujian dalaman dan lembaran kerja.
C.	<b>Sukan Tahunan Sekolah</b>	<p>Perbelanjaan bagi menampung pengelolaan sukan tahunan sekolah seperti:</p> <p>a. urusan makan minum, sewaan dan pengangkutan;</p> <p>b. perolehan/penyediaan bahan cetak dan bahan habis guna;</p> <p>c. pembelian cenderahati, pingat dan piala; dan</p> <p>d. bayaran kepada pengadil luar.</p> <p>Sekiranya peruntukan masih berbaki setelah sukan tahunan sekolah dilaksanakan, baki tersebut dibenarkan dibelanjakan untuk aktiviti sukan yang lain.</p>
D.	<b>Kegiatan Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral</b>	<p>Aktiviti berkaitan pendidikan Islam (bagi murid beragama Islam) dan aktiviti berkaitan pendidikan moral (bagi murid bukan beragama Islam).</p> <p>Perbelanjaan yang meliputi:</p> <p>a. urusan makan minum, sewaan dan pengangkutan;</p> <p>b. perolehan/penyediaan bahan cetak dan bahan habis guna; dan</p> <p>c. bayaran kepada penceramah luar.</p>
E.	<b>Yuran Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM)</b>	Perbelanjaan bagi pengelolaan kejohanan sukan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.
F.	<b>Insurans Takaful</b>	<p>Setiap murid warganegara Malaysia yang berdaftar di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan mulai 1 Januari tahun semasa sehingga 31 Disember tahun yang sama akan dilindungi secara automatik sepanjang tempoh tersebut.</p> <p>Ini bermakna, murid Tingkatan 6 rendah yang baru mendaftar pada bulan Jun tahun semasa juga turut dilindungi mulai 1 Januari tahun yang sama dan layak membuat tuntutan kepada STMB sekiranya berlaku kecelakaan dalam tempoh perlindungan.</p> <p>Perlindungan adalah 24 jam sehari semalam dan meliputi seluruh dunia.</p>

---

## KELAYAKAN MURID DAN KADAR

5. Tuntutan BBTP layak dituntut oleh sekolah bagi murid yang bersekolah di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan sahaja.
6. **Murid bukan warganegara Malaysia tidak layak menuntut bantuan ini.** Pengurus sekolah hendaklah mengutip bayaran ini daripada ibu bapa/penjaga murid bukan warganegara mengikut arahan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) berkaitan yang berkuatkuasa. Bayaran bagi Yuran MSSM dan Insurans Takaful yang diterima daripada murid bukan warganegara hendaklah diuruskan sendiri oleh pihak sekolah kepada JPN dan cawangan Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) yang berdekatan.
7. Kadar BBTP yang layak dituntut oleh sekolah untuk setiap murid prasekolah adalah RM1.50 sahaja manakala bagi murid Tahun 1 hingga Tahun 6 adalah RM24.50. Kadar BBTP untuk setiap murid Peralihan/Tingkatan 1 sehingga murid Pra Universiti adalah RM33.50. Perinciannya adalah seperti di dalam jadual di bawah:

**JADUAL 9 : KADAR BANTUAN BAYARAN TAMBAHAN PERSEKOLAHAN**

Bil.	Kategori Belanja	Kadar Seorang Murid Setahun		
		(RM)		
		Prasekolah	Rendah	Menengah
i.	Kokurikulum	-	3.00	6.00
ii.	Kertas Ujian Dalaman	-	6.00	10.00
iii.	Sukan Tahunan Sekolah	-	6.00	6.00
iv.	Kegiatan Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral	-	6.00	6.00
v.	Yuran Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM)	-	2.00	4.00
vi.	Insurans Takaful	1.50	1.50	1.50
<b>Jumlah</b>		<b>1.50</b>	<b>24.50</b>	<b>33.50</b>

---



**BAB B**  
**PROSEDUR TUNTUTAN**  
**AWAL**



---

## PROSEDUR TUNTUTAN AWAL

---

1. Tuntutan awal bantuan persekolahan bagi tahun semasa hendaklah dipohon oleh sekolah berdasarkan enrolmen murid pada 1 Oktober tahun sebelumnya.
2. Permohonan sekolah hendaklah sampai kepada Ketua PTJ masing-masing **selewat-lewatnya pada 31 Oktober tahun sebelumnya**. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Tuntutan Bantuan Persekolahan/Rendah (Borang TBP/R) bagi murid di sekolah rendah atau Borang Tuntutan Bantuan Persekolahan/Menengah (Borang TBP/M) bagi murid di sekolah menengah (Rujuk Bab G) manakala bagi permohonan BBTP, sekolah perlu mengisi Borang TBP/BBTP.
3. Apabila permohonan telah diterima, Ketua PTJ hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:
  - a. Mengunci masuk maklumat tuntutan sekolah ke dalam **Sistem eBantuan (eB)** (<http://fis.u.moe.gov.my>) **selewat-lewatnya pada 30 November tahun sebelumnya**; dan
  - b. Mencetak maklumat tuntutan daripada Sistem eB dan menghantarnya kepada sekolah berkenaan sebagai rujukan.
4. Selepas daripada tarikh tersebut, akses untuk meminda data dalam Sistem eB oleh Ketua PTJ **TIDAK DIBENARKAN**. Sekiranya terdapat sekolah yang tercicir daripada mengemukakan permohonan (kecuali sekolah baru beroperasi – rujuk Bab D), ia hanya akan diproses semasa tuntutan pelarasan pada bulan Jun tahun semasa.
5. Peruntukan awal tahun akan disediakan berdasarkan maklumat yang dikunci masuk oleh Ketua PTJ ke dalam Sistem eB.
6. Peruntukan akan disalurkan oleh Bahagian Kewangan, KPM terus ke akaun Kumpulan Wang Kerajaan / Kumpulan Wang Asrama sekolah masing-masing.
7. Khusus untuk BBTP, peruntukan akan disalurkan oleh Bahagian Kewangan, KPM seperti perincian berikut:
  - a. Dibayar terus ke Akaun Kumpulan Wang Kerajaan (KWK) di sekolah:

Bil.	Kategori Belanja	Kadar Seorang Murid Setahun (RM)		
		Prasekolah	Rendah	Menengah
i.	Kokurikulum	-	3.00	6.00
ii.	Kertas Ujian Dalaman	-	6.00	10.00
iii.	Sukan Tahunan Sekolah	-	6.00	6.00
iv.	Kegiatan Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral	-	6.00	6.00

v.	Insuran Takaful	1.50	1.50	1.50
<b>Jumlah</b>		<b>1.50</b>	<b>22.50</b>	<b>29.50</b>

*\* Bagi sekolah yang belum/tidak menyelenggarakan Akaun KWK (bagi sekolah di Sabah dan Sarawak), pembayaran dibuat ke Akaun Khas di Pejabat Pelajaran Daerah sekolah yang berkenaan.*

- b. Disalurkan melalui waran peruntukan kecil kepada Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing:

Kategori Belanja	Kadar Seorang Murid Setahun (RM)		
	Prasekolah	Rendah	Menengah
Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM)	-	2.00	4.00

8. Kaedah penyaluran peruntukan dan jenis bantuan terlibat akan dimaklumkan lebih awal kepada Ketua PTJ masing-masing **selewat-lewatnya pada 15 Disember tahun sebelumnya.**
9. Bagi peruntukan bantuan yang disalurkan terus ke akaun bank sekolah oleh Bahagian Kewangan, KPM, pihak sekolah hendaklah mengambil tindakan berikut:
  - a. Mengeluarkan Resit Rasmi Pejabat (RP01);
  - b. Merekodkan jumlah yang diterima ke dalam Buku Tunai Akaun Sekolah - Kumpulan Wang Kerajaan / Kumpulan Wang Asrama;
  - c. Menghantar Borang Maklum Balas Status Penerimaan Pembayaran Bantuan Persekolahan dan Borang MLBS (Rujuk Bab G) kepada Bahagian Kewangan, KPM dalam tempoh 5 hari bekerja selepas peruntukan diterima.
10. Sekolah dinasihatkan untuk menyimpan peruntukan yang diterima pada awal tahun (tahun semasa) sekurang-kurangnya 5% atau 100 orang murid sehingga bulan Jun tahun semasa supaya tidak terlebih berbelanja daripada kelayakan yang sepatutnya sekiranya berlaku pengurangan murid pada tarikh pelarasan dibuat.

---



# **BAB C**

## **PROSEDUR TUNTUTAN PELARASAN**

---

## PROSEDUR TUNTUTAN PELARASAN


---

1. Pihak sekolah **WAJIB** melaksanakan pelarasan peruntukan tahun semasa untuk mengenalpasti peruntukan sebenar yang layak diterima oleh sekolah bagi tahun tersebut.
2. Pelarasan peruntukan tahun semasa hendaklah dibuat berdasarkan perbezaan murid pada 1 Oktober tahun sebelum (tuntutan awal) dengan enrolmen murid pada 1 Jun tahun semasa.
3. Sekolah hendaklah mengguna pakai asas pelarasan seperti jadual di bawah:

Jenis Bantuan	Asas Pelarasan
PCG	Pertambahan / pengurangan murid sekurang-kurangnya 5% (dibundarkan kepada nombor bulat terdekat) atau 100 orang murid mana yang lebih rendah.
YKS, BKK, BKKA, BKKP, BSS, BMP & BBTP	Sebarang pertambahan atau pengurangan murid.
BMA	Sebarang pertambahan atau pengurangan murid dan perubahan harga akibat pelaksanaan kontrak baru (jika ada). Bagi kemasukan murid Tingkatan 6 (Bawah), bilangan hari layak dituntut adalah 181 hari sahaja.

4. Maklumat pelarasan hendaklah sampai kepada Ketua PTJ masing-masing **selewat-lewatnya pada 31 Jun tahun semasa** dengan mengisi Borang Tuntutan Bantuan Persekolahan/Rendah (Borang TBP/R) bagi murid sekolah rendah atau Borang Tuntutan Bantuan Persekolahan/Menengah (Borang TBP/M) bagi murid sekolah menengah (Rujuk Bab G).
5. Apabila maklumat tuntutan pelarasan telah diterima, Ketua PTJ hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:
  - a. Mengunci masuk maklumat tuntutan pelarasan sekolah ke dalam eB **selewat-lewatnya pada 31 Julai tahun semasa**; dan
  - b. Mencetak maklumat tuntutan pelarasan daripada eB dan menghantarnya kepada sekolah berkenaan.
6. Selepas daripada tarikh tersebut, akses untuk meminda data dalam eB oleh Ketua PTJ **TIDAK DIBENARKAN**.
7. Peruntukan tambahan bagi sekolah yang mengalami pertambahan murid akan disalurkan **selewat-lewatnya pada 15 Ogos tahun semasa mengikut kaedah penyaluran peruntukan seperti mana pada awal tahun**.

---



**BAB D**

**PROSEDUR  
PEMULANGAN LEBIHAN  
PERUNTUKAN AKIBAT  
PELARASAN**


---

## PROSEDUR PEMULANGAN PERUNTUKAN BANTUAN PERSEKOLAHAN TERLEBIH TUNTUT

---

1. Definisi **Peruntukan Bantuan Persekolahan Terlebi Tuntut** ialah perbezaan antara jumlah peruntukan awal yang diterima pada tahun semasa dengan jumlah peruntukan yang layak diterima selepas pelarasan 1 Jun tahun semasa.
2. Jumlah yang perlu dipulangkan oleh sekolah adalah keseluruhan jumlah peruntukan bantuan persekolahan terlebih tuntutan tersebut.
3. Peruntukan terlebih tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Kewangan, KPM melalui cek atas nama **Ketua Akauntan, Kementerian Pelajaran Malaysia** selewat-lewatnya pada **31 Jun tahun semasa**.
4. Selain mengemukakan cek, sekolah juga dikehendaki untuk menyertakan bersama-sama maklumat terperinci mengenai amaun dan jenis peruntukan yang dipulangkan dengan mengisi Borang Pemulangan Peruntukan Terlebih Tuntut Bantuan Persekolahan KPM (Rujuk Bab G).

---



**BAB E**

**PROSEDUR TUNTUTAN  
BAGI SEKOLAH BARU  
BEROPERASI**

---

## PROSEDUR TUNTUTAN BAGI SEKOLAH BARU BEROPERASI

---

1. Sekolah/asrama yang baru beroperasi hendaklah mengemukakan dokumen berikut kepada Bahagian Kewangan, KPM melalui Ketua PTJ masing-masing dalam kadar segera.
  - a. Borang Tuntutan Bantuan Persekolahan/Rendah (Borang TBP/R) bagi murid sekolah rendah atau Borang Tuntutan Bantuan Persekolahan/Menengah (Borang TBP/M) bagi murid sekolah menengah dan Borang TBP/BBTP (Rujuk Bab G); dan
  - b. Sesalinan penyata akaun bank sekolah/asrama yang disahkan oleh Pengurus Sekolah.
2. Maklumat tuntutan bagi sekolah baru beroperasi akan dikunci masuk ke dalam Sistem eB oleh Bahagian Kewangan, KPM.
3. Peruntukan akan disalurkan dalam tempoh 10 hari bekerja mulai tarikh surat permohonan yang lengkap diterima oleh Bahagian Kewangan, KPM daripada Ketua PTJ sekolah masing-masing.
4. Peratus peruntukan/bilangan hari tuntutan yang dibenarkan mengikut jenis bantuan adalah seperti berikut:

Sekolah/Asrama Beroperasi / Bantuan Persekolahan	Peratus Peruntukan / Bilangan Hari			
	BMA (Biasa)	BMA (Sekolah Pend. Khas)	BMP	LAIN-LAIN BANTUAN PERSEKOLAHAN
Januari - Mac	250 hari	270 hari	200 hari	100%
April - Jun	181 hari	196 hari	140 hari	100%
Julai - September	114 hari	123 hari	100 hari	100%
Selepas September	54 hari	74 hari	50 hari	100%

5. Sekolah yang mula beroperasi antara bulan Januari sehingga Mei hendaklah mengemukakan tuntutan pelarasan seperti mana arahan di Bab C.
6. Sekolah yang mula beroperasi mulai 1 Jun tidak perlu membuat tindakan pelarasan peruntukan pada tahun ia mula beroperasi. Tindakan pelarasan peruntukan hendaklah mula dibuat pada 1 Jun tahun berikutnya.



---



**BAB F**  
**BAKI BAWA KE TAHUN**  
**HADAPAN**

---

## BAKI BAWA KE TAHUN HADAPAN

---

### 1. DEFINISI

- 1.1 **Peruntukan Bantuan Persekolahan Yang Sepatutnya Diterima Pada Tahun Semasa** ialah sejumlah peruntukan bantuan persekolahan tahun semasa yang layak diterima oleh sekolah berdasarkan enrolmen murid pada 1 Jun tahun semasa.
- 1.2 **Baki Terkumpul Tahun Lalu** ialah sejumlah baki peruntukan dari tahun-tahun lalu yang di bawa ke tahun semasa.
- 1.3 **Baki Peruntukan Bantuan Persekolahan Tahun Semasa** ialah sejumlah peruntukan bantuan persekolahan yang sepatutnya diterima pada tahun semasa<sup>1.1</sup> termasuk baki terkumpul tahun lalu<sup>1.2</sup> tetapi tidak habis dibelanjakan sehingga 31 Disember setelah ditolak semua tanggungan perbelanjaan.
- 1.4 **Baki Bawa Ke Tahun Hadapan** ialah baki peruntukan bantuan persekolahan tahun semasa<sup>1.3</sup> yang di bawa ke tahun berikutnya.

### 2. BAKI BAWA KE TAHUN HADAPAN BAGI SEMUA JENIS BANTUAN PERSEKOLAHAN

- 2.1. **Semua baki peruntukan bantuan persekolahan tahun semasa termasuklah Bantuan Geran Per Kapita dan Bantuan Makanan Asrama** (sekiranya ada) hendaklah dibawa ke tahun hadapan. Baki bawa ke tahun hadapan akan diambil kira sebagai sebahagian daripada peruntukan bantuan tahun tersebut.

**Contoh Pengiraan:**

**Bantuan Yuran Khas Sekolah (YKS) Tahun 2013**

Baki tahun 2012 di bawa ke tahun 2013 : (a) = RM 1,500

Peruntukan diterima pada Januari 2013 : (b)  
(berdasarkan enrolmen murid pada 1 Oktober 2012) = RM 6,750

**JUMLAH PERUNTUKAN TAHUN 2013 : (a) + (b) = RM 8,250**

Setelah pelarasan pada 1 Jun 2013, didapati peruntukan layak diterima oleh sekolah = RM 6,300

Oleh yang demikian, pihak sekolah perlu memulangkan lebih peruntukan tahun semasa sebanyak RM1,950 (RM8,250 – RM6,300) seperti mana tatacara pemulangan di Bab E. Kesimpulannya sekolah hanya akan menerima RM4,800 daripada kelayakan sebenar RM6,300 kerana telah mengambil kira baki bawa ke tahun 2013.

- 
- 2.2. Walau bagaimanapun, sekiranya pihak sekolah mempunyai baki bawa ke hadapan yang besar hingga menyebabkan ia melebihi amaun peruntukan yang layak diterima oleh sekolah pada tahun semasa, sekolah hendaklah memulangkan keseluruhan peruntukan yang diterima pada awal tahun sebagai lebih peruntukan pada tahun semasa (Rujuk Bab D). Pihak sekolah hendaklah menggunakan keseluruhan baki bawa ke tahun hadapan tersebut sebagai perbelanjaan tahun semasa bantuan yang berkenaan.

### **3. MAKSUD BELANJA BAKI BAWA KE TAHUN HADAPAN**

- 3.1. Baki sesuatu bantuan persekolahan yang dibawa ke tahun hadapan hendaklah diambil kira sebagai peruntukan tahun ia dibawa. Oleh yang demikian, ia hendaklah dibelanjakan sama seperti mana maksud perbelanjaan yang dibenarkan bagi bantuan tersebut sahaja. (Rujuk Bab A)

---



# **BAB G**

## **BORANG BERKAITAN**

---

## BORANG BERKAITAN

---

Borang Tuntutan Bantuan Persekolahan/ Rendah	-	Borang TBP/R
Borang Tuntutan Bantuan Persekolahan/ Menengah	-	Borang TBP/M
Borang Maklum Balas Status Penerimaan Pembayaran Bantuan Persekolahan	-	Borang MLBS
Borang Permohonan Pindah Peruntukan Bantuan PCG	-	Borang VPCG
Borang Pemulangan Peruntukan Terlebih Tuntut Bantuan Persekolahan KPM	-	Borang PTT
Borang Pengisytiharan Baki Bawa Ke Hadapan		

**BORANG TUNTUTAN BANTUAN PERSEKOLAHAN SEKOLAH RENDAH  
BAGI TAHUN \_\_\_\_\_**

**BAHAGIAN I : MAKLUMAT ASAS SEKOLAH** (Sila isikan ruangan yang berkenaan sahaja)

**Nama Sekolah :**

**Kod Sekolah :**

**Nama Pengetua :**

**Alamat :**

**No. Telefon :**

**No. Fax :**

**AKAUN SEKOLAH**

**Nama Bank :**

**Nama Benefisiri :**

**No. Akaun Bank :**

**AKAUN ASRAMA**

**Nama Bank :**

**Nama Benefisiri :**

**No. Akaun Bank :**

**Tempoh Kontrak Makan 1 :**

**Harga : RM / hari**

**Tempoh Kontrak Makan 2 :**

**Harga : RM / hari**

**Tarikh Asas Tuntutan : 1 Oktober \_\_\_\_\_**

**BAHAGIAN II : TUNTUTAN BANTUAN GERAN PER KAPITA (PCG) SEKOLAH RENDAH/ASRAMA** (Sila isikan ruangan yang berkenaan sahaja)

BIL	PCG	KADAR	BIL MURID (orang)	PERUNTUKAN (RM)
<b>A.</b>	<b>PCG PRASEKOLAH</b>			
1	PRASEKOLAH	setiap murid	RM100 seorang murid	-
<b>B.</b>	<b>PCG MATA PELAJARAN SEKOLAH RENDAH</b>			
1	<b>MATA PELAJARAN TERAS</b>			
	<b>1.1 Sivik &amp; Kewarganegaran</b>	100 murid pertama	RM800	-
		50 murid seterusnya selepas 100 murid pertama	RM6 seorang murid	-
		350 murid seterusnya selepas 150 murid	RM6 seorang murid	-
		500 murid seterusnya selepas 500 murid	RM4 seorang murid	-
		setiap murid seterusnya selepas 1000 murid	RM2 seorang murid	-
		<b>Jumlah Kecil</b>		0
	<b>1.2 Lain-lain:</b> - Bahasa Melayu - Bahasa Inggeris - Bahasa Cina (SJKC) - Bahasa Tamil (SJKT) - Kajian Tempatan - Pendidikan Islam - Pendidikan Moral - Sains - Matematik	20 murid dan ke bawah sahaja	RM1,400	-
		melebihi 20 murid tetapi sehingga 50 murid sahaja	RM1,600	-
		50 murid seterusnya selepas 50 murid pertama	RM10 seorang	-
		50 murid seterusnya selepas 100 murid	RM16 seorang	-
		350 murid seterusnya selepas 150 murid	RM8 seorang	-
		500 murid seterusnya selepas 500 murid	RM10 seorang	-

BIL.	PCG	KADAR		BIL MURID (orang)	PERUNTUKAN (RM)
		setiap murid seterusnya selepas 1000 murid	RM9 seorang		-
		<b>Jumlah Kecil</b>		<b>0</b>	<b>-</b>
<b>2</b>	<b>MATA PELAJARAN WAJIB</b>				
	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendidikan Jasmani</li> <li>- Pendidikan Kesihatan</li> <li>- Kemahiran Hidup</li> <li>- Pendidikan Seni Visual</li> <li>- Pendidikan Muzik</li> </ul>	20 murid dan ke bawah sahaja	RM2,600		-
		melebihi 20 murid tetapi sehingga 50 murid sahaja	RM2,800		-
		50 murid seterusnya selepas 50 murid pertama	RM8 seorang murid		-
		50 murid seterusnya selepas 100 murid	RM16 seorang murid		-
		350 murid seterusnya selepas 150 murid	RM22 seorang murid		-
		500 murid seterusnya selepas 500 murid	RM22 seorang murid		-
		setiap murid seterusnya selepas 1000 murid	RM21 seorang murid		-
			<b>Jumlah Kecil</b>		<b>0</b>
<b>3</b>	<b>MATA PELAJARAN TAMBAHAN</b>				
		Bahasa Cina	RM2 seorang murid		
		Bahasa Tamil	RM2 seorang murid		
		Bahasa Cina Komunikasi	RM2 seorang murid		
		Bahasa Tamil Komunikasi	RM2 seorang murid		
		Bahasa Arab Komunikasi	RM2 seorang murid		
		Bahasa Iban	RM2 seorang murid		
		Bahasa Semai	RM2 seorang murid		
		Bahasa Kadazandusun	RM2 seorang murid		
		<b>Jumlah Kecil</b>		<b>0</b>	<b>-</b>
<b>C.</b>	<b>PCG BUKAN MATA PELAJARAN</b>				
<b>1</b>	<b>PUSAT SUMBER SEKOLAH</b>				
		20 murid dan ke bawah sahaja	RM1,500		-
		melebihi 20 murid tetapi sehingga 50 murid sahaja	RM2,000		-
		50 murid seterusnya selepas 50 murid pertama	RM10 seorang murid		-
		50 murid seterusnya selepas 100 murid	RM10 seorang murid		-
		350 murid seterusnya selepas 150 murid	RM12 seorang murid		-
		500 murid seterusnya selepas 500 murid	RM13 seorang murid		-
		setiap murid seterusnya selepas 1000 murid	RM12 seorang murid		-
		<b>Jumlah Kecil</b>		<b>0</b>	<b>-</b>
<b>2</b>	<b>BIMBINGAN &amp; KAUNSELING</b>				
		20 murid dan ke bawah sahaja	RM500		-

BIL.	PCG	KADAR		BIL MURID (orang)	PERUNTUKAN (RM)
		melebihi 20 murid tetapi sehingga 50 murid sahaja	RM500		-
		50 murid sehingga 100 murid	RM10 seorang murid		-
		50 murid seterusnya selepas 100 murid	RM10 seorang murid		-
		350 murid seterusnya selepas 150 murid	RM3 seorang murid		-
		500 murid seterusnya selepas 500 murid	RM3.50 seorang murid		-
		setiap murid seterusnya selepas 1000 murid	RM3.50 seorang murid		-
		<b>Jumlah Kecil</b>		<b>0</b>	<b>-</b>
<b>3</b>	<b>LPBT/LPK SEKOLAH</b>				
		20 murid dan ke bawah sahaja	RM5,000		-
		melebihi 20 murid tetapi sehingga 50 murid sahaja	RM6,300		-
		51 murid sehingga 100 murid	RM6,900		-
		101 murid sehingga 150 murid	RM7,500		-
		350 murid seterusnya selepas 150 murid pertama	RM21 seorang murid		-
		500 murid seterusnya selepas 500 murid	RM28 seorang murid		-
		setiap murid seterusnya selepas 1000 murid	RM27 seorang murid		-
		<b>Jumlah Kecil</b>		<b>0</b>	<b>-</b>
<b>D.</b>	<b>PCG ASRAMA</b>				
<b>1</b>	<b>LPBT/LPK ASRAMA</b>				
	Semua sekolah berasrama	setiap murid	RM60 seorang murid		-
<b>JUMLAH KECIL ( 1 )</b>					<b>-</b>

**BAHAGIAN III : TUNTUTAN PCG SEKOLAH RENDAH PENDIDIKAN KHAS/PROGRAM INTEGRASI** (Sila isikan ruangan yang berkenaan sahaja)

BIL.	PCG	KADAR		BIL MURID (orang)	PERUNTUKAN (RM)
<b>MASALAH PENGLIHATAN</b>					
<b>A.</b>	<b>PCG MATA PELAJARAN SEKOLAH RENDAH</b>				
<b>1</b>	<b>MATA PELAJARAN TERAS</b>				
	<b>1.1 Sivik &amp; Kewarganegaran</b>	100 murid pertama	RM800		-
		50 murid seterusnya selepas 100 murid pertama	RM6 seorang murid		-
		350 murid seterusnya selepas 150 murid	RM6 seorang murid		-
		500 murid seterusnya selepas 500 murid	RM4 seorang murid		-
		setiap murid seterusnya selepas 1000 murid	RM2 seorang murid		-
		<b>Jumlah Kecil</b>			<b>0</b>
	<b>1.2 Lain-lain:</b>	setiap murid	RM200 seorang murid		-



BIL.	PCG	KADAR	BIL MURID (orang)	PERUNTUKAN (RM)
2	<b>MATA PELAJARAN WAJIB</b>			
	- Pendidikan Jasmani - Pendidikan Kesihatan - Kemahiran Hidup - Pendidikan Seni Visual - Pendidikan Muzik	setiap murid	RM100 seorang murid	-
3	<b>MATA PELAJARAN TAMBAHAN</b>			
	- Literasi Komputer	setiap murid	RM50 seorang murid	-
<b>B.</b>	<b>PCG BUKAN MATA PELAJARAN</b>			
1	<b>PUSAT SUMBER SEKOLAH</b>			
		setiap murid	RM50 seorang murid	-
2	<b>BIMBINGAN &amp; KAUNSELING</b>			
		setiap murid	RM12 seorang murid	-
3	<b>LPBT/LPK SEKOLAH</b>			
		setiap murid	RM200 seorang murid	-
<b>C.</b>	<b>PCG ASRAMA</b>			
1	<b>LPBT/LPK ASRAMA</b>			
		setiap murid	RM60 seorang murid	-
